

# Bakal pengantin dirogol kenalan

## Mangsa dalam perjalanan ke tempat kerja apabila dipujuk suspek

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim  
mfirdaus@hmetro.com.my

**A**MPANG: Penantian seorang wanita untuk menempuh alam perkahwinan tidak lama lagi berakhir dengan mimpi ngeri apabila dia menjadi mangsa rogol kenalannya sendiri di rumah sewa lelaki itu di Pandan Terrace, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8 pagi, mangsa dikatakan sedang menunggu teksi di hadapan rumahnya untuk ke tempat kerja sebelum disapa lelaki berusia 30-an itu yang menawarkan untuk menghantarnya ke tempat kerja.

Menurut sumber, pada mulanya mangsa berusia 20-an, menolak pelawaan pemuda

berkenaan sebelum lelaki itu memujuknya dengan bersungguh-sungguh sehingga sanggup untuk turun dari keretanya.

“Mangsa yang termakan pujukan itu mengalah dan menerima pelawaan lelaki berkenaan. Ketika dalam perjalanan, suspek berpura-pura kononnya dia tertinggal beberapa dokumen penting sebelum meminta kebenaran mangsa untuk berpatah balik ke rumahnya,” katanya.

Mangsa yang mula meragui tindakan lelaki itu meminta suspek menghantarnya terlebih dulu ke tempat kerja.

Sumber berkata, suspek enggan berbuat demikian menyebabkan berlaku pertengkaran kecil antara mereka.

“Mangsa ditampar beberapa kali sehingga pengan oleh pemuda terbabit sebelum dia dibawa pulang ke rumah lelaki itu,” katanya.

Difahamkan, sebaik tiba di rumah lelaki itu, mangsa yang sedar daripada pengan cuba melarikan diri, tetapi gagal, sebaliknya dia dirogol lelaki itu berulang kali.

“Disebabkan susuk tubuh lelaki itu yang besar, mangsa tidak mampu melawan dan hanya mampu menjerit meminta pertolongan namun tiada siapa mendengar jeritannya,” katanya.

Katanya, sebaik selesai melampiaskan nafsunya itu, pemuda berkenaan menghantar wanita berkenaan ke tempat kerjanya dan mengugut

akan mencederakannya jika menceritakan kejadian itu kepada orang lain.

“Bagaimanapun, mangsa menceritakan kejadian itu kepada kakaknya sebelum mereka berdua membuat laporan di Balai Polis Pandan Indah.

“Sumber berkata, mangsa kini trauma dan sedih berikutan peristiwa yang menimpa dirinya kerana dia bakal melangsungkan perkahwinan dalam masa terdekat,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ampang, Asisten Komisioner Abd Jalil Hassan ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan bagaimanapun enggan mengulas lanjut.